

18/04/2000

Ulama perlu jaga kesucian agama

reports on "Dewan Negara" by Jamhariah Jaafar; Mohd Zin Ali
KUALA LUMPUR, Isnin - Ulama diminta melaksanakan tanggungjawab mereka sepenuhnya untuk menjaga kesucian agama Islam, termasuk membetulkan penyalahgunaan masjid oleh parti pembangkang yang semakin berleluasa kebelakangan ini.

Senator Datuk Zainudin Maidin berkata, ada mufti atau ulama yang tidak berani bertindak membetulkan penyelewengan dan penyalahgunaan yang boleh memesongkan akidah umat Islam di negara ini.

Katanya, selama ini golongan mufti tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan sewajarnya dengan membiarkan agama Islam dipersendakan oleh orang politik.

Beliau berkata, di Kelantan, Menteri Besarnya yang lebih dikenali sebagai Tok Guru mengambil alih kuasa mufti dengan mengeluarkan beberapa fatwa yang begitu mengelirukan umat Islam di negara ini.

"Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai amalan sunat menyimpan janggut digembar-gemburkan oleh Pas, sedangkan kenyataan Nik Aziz mengenai Allah itu mencarut dan manusia boleh berkawan dengan syaitan tidak ditegur oleh mufti," katanya di Dewan Negara, semalam.

Zainudin yang membahaskan usul menjunjung terima kasih titah ucapan diraja berkata, peranan raja-raja sebagai ketua institusi agama amat diperlukan untuk membetulkan keadaan yang akan merugikan umat Islam itu sendiri.

Katanya, perkembangan yang berlaku sebelum dan selepas pilihan raya baru-baru ini menimbulkan tanda tanya sama ada parti pembangkang terutama Pas ingin mengekalkan kuasa raja dalam isu agama.

Beliau berkata, kebanyakan pemimpin Pas dengan kaedah yang tersendiri secara beransur-ansur mengambil alih peranan itu dengan menggantikan khatib yang dilantik kerajaan dengan orang pilihan mereka sendiri.

Zainudin juga berkata, krisis yang pernah berlaku antara raja-raja dan beberapa pemimpin di negara ini tidak sepatutnya menjadi alasan kepada ketua agama itu untuk tidak melihat senario yang sedang berlaku sekarang ini.

Katanya, kegagalan mufti memainkan peranan yang sepatutnya itu juga mungkin disebabkan keinginan mendapat tempat apabila parti itu berkuasa.

Beliau berkata, jika keinginan seumpama itu mengatasi peranan yang sepatutnya dimainkan oleh ulama maka mereka tidak akan lagi menjadi golongan yang dihormati oleh umat Islam.

Sementara itu, Senator Gapar Gurrohu ketika mencadangkan usul berkenaan kesal dengan tindakan pihak tertentu yang mengeluarkan fatwa sewenang-wenangnya.

Beliau berkata, sistem perundangan Islam telah menetapkan bahawa fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang dianggotai pakar-pakar Islam di peringkat kebangsaan.

"Fatwa sepatutnya dikeluarkan untuk menyelesaikan kekeliruan dan bukan mencipta masalah baru di kalangan umat Islam," katanya.

Selain itu, katanya, tindakan parti pembangkang menjadi masjid sebagai platform politik membantutkan niat jemaah untuk beribadat dan mendekatkan diri dengan Allah.

"Jemaah yang datang ke masjid bukan untuk mendekatkan diri dengan politik sebaliknya mendalami ilmu Islam itu sendiri," katanya.

Beliau berharap kesucian masjid dapat terus dihormati dan dipelihara

bagi menyatupadukan umat Islam di negara ini.

Sementara itu, Senator Puizah Abu Kassim berkata, perpecahan umat Islam di negara ini adalah amat ketara dan perlu dibendung.

Katanya, isu-isu lama seperti memilih Pas sebagai mendapat syurga, orang Pas tidak menyembahyangkan jenazah orang Umno boleh menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam.

"Orang yang taksub kepada parti pembangkang akan menganggap Pas adalah Islam sedangkan mereka yang rasional pasti tidak akan dapat menerimanya.

"Oleh itu, adalah sesuai gesaan sebelum ini yang meminta nama agama tidak digunakan dalam parti politik bagi mengelakkan penyalah gunaan nama agama," katanya.

Beliau juga meminta ulama dan mufti supaya menjalankan kewajiban dengan tidak membisu seolah-olah tiada yang tidak kena pada negara ini.

(END)